

**NO. SOALAN : 5**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH**

**TARIKH : 4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 5**

**Datuk Haji Abidullah Bin Salleh** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang diambil pihak Kementerian dalam mengawal-selia perkhidmatan e-hailing terutamanya apabila berlaku kes-kes jenayah melibatkan perkhidmatan ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 12 Julai 2018 yang lalu, Kerajaan telah menguatkuasakan perundangan berkaitan untuk mengawal selia (atau *regulate*) perkhidmatan pengangkutan e-hailing dalam negara ini. Dalam hubungan ini, hanya Perniagaan Pengantaraan (syarikat *e-hailing*) yang mempunyai Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan LPKP Sabah sahaja dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan *e-hailing*.

Selain itu, syarikat perniagaan pengantaraan juga dikehendaki untuk mendaftarkan kesemua kenderaan dan pemandu mereka yang ingin memberikan perkhidmatan *e-hailing*. Sehingga kini, lebih kurang 300 ribu nama pemandu sudah dikemukakan oleh syarikat-syarikat *e-hailing* di Semenanjung Malaysia dan SPAD telah menghantar senarai tersebut kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk saringan rekod jenayah.

Hanya pemandu yang bebas dari rekod jenayah dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan akan diberikan lesen vokasional bagi membolehkan mereka memberi perkhidmatan *e-hailing*.